



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**  
**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

## **SIARAN MEDIA**

### **KONTINJEN ROBOTIK POLYCC BERSIAP SEDIA HARUMKAN NAMA NEGARA DI 31st FIRA ROBOWORLD CUP & SUMMIT 2026 DI KANADA**

**PUTRAJAYA, 14 JULAI 2026** - Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) sekali lagi membuktikan komitmennya dalam melahirkan bakat TVET bertaraf dunia apabila menghantar kontinjen POLYCC ke 31st FIRA RoboWorld Cup & Summit 2026 yang akan berlangsung pada 17 hingga 21 Julai 2026 di Markham, Ontario, Kanada.

Majlis Pelepasan Kontinjen Malaysia ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Ts. Dr. Hj. Aminuddin bin Hassim, Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Tinggi (KSU, KPT). Kehadiran KSU ke sesi ini mencerminkan sokongan padu pihak KPT dalam memperkasa pendidikan TVET melalui pembangunan bakat, inovasi dan teknologi robotik. Usaha tersebut adalah selaras dengan aspirasi Pelan Pendidikan Tinggi Malaysia 2026–2035 yang memberi penekanan kepada pembangunan graduan berdaya saing di peringkat global, menguasai teknologi masa hadapan, berfikiran inovatif serta mempunyai nilai kepimpinan untuk menjadi pencipta penyelesaian kepada cabaran masyarakat dan industri.

Seramai enam (6) orang pelajar dan dua (2) orang pensyarah pengiring mewakili POLYCC daripada tiga politeknik iaitu Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS), Politeknik Port Dickson (PPD) dan Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) yang akan bertanding dalam kategori HuroCup, FIRA Air dan Autonomous Car Challenge. Mereka akan diuji kemahiran dalam bidang kejuruteraan, pengaturcaraan, kecerdasan buatan (AI), integrasi sistem dan penyelesaian masalah secara autonomi bersama pasukan terbaik dunia.

Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (KPPK), Dr. Shamsuri bin Abdullah berkata, penyertaan dalam FIRA RoboWorld Cup & Summit bukan sekadar mengejar kemenangan, sebaliknya menjadi platform penting dalam membangunkan bakat, kreativiti, inovasi dan daya saing pelajar TVET di peringkat global. Selain menyertai kejohanan, delegasi Malaysia yang diketuai oleh KPPK turut membawa misi strategik negara untuk mengemukakan bidaan Malaysia sebagai tuan rumah FIRA RoboWorld Cup & Summit 2027. Penganjurannya bakal memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai hab pendidikan TVET, robotik dan inovasi bertaraf dunia serta memperluaskan jaringan kerjasama antarabangsa dalam bidang teknologi.

Penyertaan kontinjen Malaysia POLYCC pada tahun ini turut disandarkan kepada rekod kecemerlangan yang membanggakan di pentas FIRA. Pada edisi FIRA RoboWorld Cup & Summit 2025 di Korea Selatan, kontinjen POLYCC berjaya membawa pulang 13 pingat iaitu lima (5) emas, tiga (3) perak dan lima (5) gangsa, sekali gus mengukuhkan reputasi Malaysia sebagai antara pencabar utama dalam bidang robotik. Manakala pada FIRA RoboWorld Cup & Summit 2024 di Brazil, pasukan daripada Politeknik Port Dickson (PPD) berjaya merangkul Best Technical Startup Award (Innovation & Business), membuktikan keupayaan pelajar POLYCC bukan sahaja dalam aspek teknikal, malah berpotensi menghasilkan inovasi yang mempunyai nilai komersial di peringkat antarabangsa.

JPPKK yakin penyertaan ini bukan sahaja mampu mengharumkan nama Malaysia di persada dunia, malah menjadi inspirasi kepada lebih ramai pelajar TVET untuk terus mencipta kecemerlangan dalam bidang robotik, automasi dan teknologi masa hadapan selaras dengan aspirasi Pelan Pendidikan Tinggi Malaysia 2026–2035.

**-TAMAT-**

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
14 JULAI 2026**

